

PERLIS-UniMAP JUARA BOLA SEPAK PIALA EMAS RAJA-RAJA 2009



Kemarau 13 tahun Perlis berbalas apabila mencipta kemenangan 2-0 ke atas Kedah untuk menjuarai Piala Emas Raja-Raja 2009 dalam saingan akhir yang mendebarakan pada 28 Disember 2009 lalu. Skuad Perlis yang diwakili oleh para pemain bola sepak dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah melakar sejarah baru buat pasukan itu bagi menobatkan Perlis sebagai Juara Piala Emas Raja-Raja 2009. Perlis yang pernah ditewaskan Kedah dalam perlawanan akhir pada 1996 telah beraksi cemerlang walaupun bermain di gelanggang lawan iaitu Stadium Darulaman, Kedah.

Perlawanan akhir turut dihadiri kedua-dua YAB Menteri Besar Perlis dan Kedah serta penaung pasukan UniMAP FT iaitu Y.Bhg. Brig Jen Dato' Prof Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Gol-gol Perlis disumbangkan menerusi Romdhizat Jamian pada minit keempat dan Andrien Jurad Chamrong pada minit ke-18. Kemenangan anak-anak buah jurulatih Kamal Idris Ali itu mencatat kejayaan kali ketiga selepas melakukannya pada 1967 dan 1993. Pada 1967 Perlis menewaskan Singapura 3-0 manakala pada 1993 pasukan berkenaan mengalahkan Pulau Pinang 1-0. Kemenangan itu menyaksikan Perlis selain merangkul piala pusingan, membawa pulang hadiah RM30,000 manakala Kedah memperoleh RM15,000.

Lebih menggembirakan, Andrien Jurad turut dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Perlawanan Akhir Piala Emas Raja-Raja 2009. Permulaan pasukan bola sepak Perlis pada peringkat kumpulan telah berlangsung dengan baik di mana Pasukan Perlis telah diletakkan bersama-sama kumpulan C dengan pasukan Zon Utara. Bagi Zon Utara yang terdiri daripada Perak, Pulau Pinang dan Kedah, perlawanan diadakan di Stadium Bandaraya Pulau Pinang di mana Perlis menjadi Johan peringkat kumpulan dengan dua kemenangan iaitu menewaskan Pulau Pinang (2-1) dan Perak (3-0) serta seri dengan Kedah (1-1). Pada peringkat suku akhir, Perlis menewaskan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan agregat 5-3 dan peringkat separuh akhir menewaskan Johor dengan agregat 3-0 untuk menempah ke perlawanan akhir.

Kejayaan Pasukan Bola Sepak UniMAP pada kali ini adalah hasil sokongan oleh semua pihak yang memberikan sokongan terutamanya kepada kakitangan UniMAP yang turut memberikan sokongan padu serta hasil usaha para pemain bola sepak staf UniMAP yang bertungkus lumus mengharungi latihan dan juga perlawanan dengan lebih baik. Sokongan daripada kerajaan negeri tidak boleh dinafikan terutamanya daripada YAB Menteri Besar yang memberi sokongan padu kepada pasukan Perlis dan juga daripada persatuan Bolasepak Melayu Perlis. UniMAP amat berharap diberi peluang lagi untuk mewakili Perlis pada edisi akan datang.